

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)59**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

59. Apakah rancangan masa hadapan oleh PBA untuk memastikan bekalan air dijamin untuk warga Pulau Pinang di mana Menteri Besar Kedah sering memberi kenyataan tidak masuk akal?
- (a) Apakah inisiatif diambil oleh PBA untuk mengatasi masalah tekanan air rendah di SPS di mana kawasan perindustrian sedang dibangunkan di Byram akan menjadikan beban bagi PBA?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

59. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) berpendapat bahawa Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan harus mewujudkan *Ulu Muda Basin Authority* (UMBA) untuk melindungi dan mengurus kawasan tadahan Ulu Muda. UMBA harus dibentuk untuk menyusun dan melaksanakan Rancangan Lembangan Ulu Muda bagi menjaga kepentingan 4.2 juta rakyat di Negeri Perlis, Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang.

Ini adalah disebabkan kawasan tадahan air Ulu Muda mesti dikendalikan secara lestari sebagai kawasan tадahan air utama di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Pengurusan lestari oleh Kerajaan Persekutuan harus dilaksanakan untuk menghentikan sepenuhnya dan melarang semua aktiviti pembalakan, perlombongan dan lain-lain yang merosakkan kawasan tадahan air Ulu Muda tersebut.

Fungsi UMBA amat penting dalam pelaksanaan program Air Untuk Masa Hadapan dan mempunyai empat (4) keutamaan seperti berikut:

- (i) Menangani perubahan iklim;
- (ii) Menyokong sungai yang baik;
- (iii) Menggunakan air dengan berhemat; dan
- (iv) Menjamin bekalan air.

Keempat-empat keutamaan ini secara meluas menggambarkan cabaran yang sedang dihadapi oleh Negeri Perlis, Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang berhubung keselamatan

bekalan air di NCER.

Justeru, Kerajaan Persekutuan harus menjadi penyumbang utama melalui peruntukan tahunan persekutuan yang diperoleh daripada hasil cukai dari Negeri Perlis, Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang. Sebagai penerima manfaat langsung dari UMBA yang dicadangkan, ketiga-tiga negeri ini juga boleh menyumbang untuk membiayai lembaga berkenaan.

(a) Penyelesaian masalah tekanan air di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) adalah seperti berikut:

(i) Penyelesaian Jangka Masa Pendek; dan

Pengagihan air secara kawalan injap air supaya aliran air yang lebih tinggi disalurkan ke kawasan SPS. Pengeluaran maksimum dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua untuk mengekalkan tekanan yang tinggi.

(ii) Penyelesaian Jangka Masa Panjang.

BIL.	PROJEK	TAHUN DIJANGKA SIAP
1.	Pembinaan rumah pam di Kubang Semang, Permatang Pauh.	2023
2.	Menaik taraf sistem pam Bukit Minyak.	2024
3.	Pembinaan LRA Mengkuang.	2024
4.	Menaik taraf Fasa 2 di LRA Sungai Dua dan pembinaan Fasa 12A LRA Sungai Dua.	2022 dan 2023
5.	Penggantian paip	Setiap tahun

Pihak Syarikat Air Darul Aman (SADA) dari Negeri Kedah telah memaklumkan kepada pihak PBAPP melalui surat bertarikh 8 Mac 2020 mengenai masalah kekurangan bekalan air dan tidak dapat menyalurkan air ke Negeri Pulau Pinang.